

Bil. S 45

**AKTA IMIGRESEN
(Penggali 17)**

**PERATURAN-PERATURAN IMIGRESEN
(APEC BUSINESS TRAVEL CARD), 2003**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Memasuki Brunei dengan ABTC.
4. Permohonan untuk mendapatkan ABTC.
5. Pengeluaran ABTC.
6. Kesahan.
7. Bayaran.

JADUAL

**AKTA IMIGRESEN
(Penggai 17)**

**PERATURAN-PERATURAN IMIGRESEN
(APEC BUSINESS TRAVEL CARD), 2003**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 53 dari Akta Imigresen, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Imigresen (APEC Business Travel Card), 2003.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini,

"ABTC" bermakna APEC Business Travel Card yang dikeluarkan oleh salah sebuah negara peserta dalam APEC Business Travel Card Scheme termasuk Negara Brunei Darussalam;

"APEC" bermakna Asia-Pacific Economic Cooperation.

Memasuki Brunei dengan ABTC.

3. (1) Jika pemegang ABTC, yang bukan seorang warganegara Brunei, memasuki Brunei, dia hendaklah setiap kali memasuki Brunei menunjukkan pasportnya dan ABTC yang sah kepada pegawai imigresen yang bertugas.

(2) Setelah menunjukkannya semasa memasuki Brunei buat pertama kali, pemegang ABTC, tertakluk kepada catitan dalam kadnya, boleh diberikan visa masuk berulang kali dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan lain berkenaan dengan kehendak-kehendak visa di bawah sebarang undang-undang bertulis lain dan hendaklah menyebabkannya layak untuk tinggal bagi tempoh maksimum selama 3 bulan di Brunei bagi lawatan tersebut dan sebarang lawatan yang kemudiannya selepas itu.

Permohonan untuk mendapatkan ABTC.

4. Seseorang itu boleh memohon kepada Pengawal untuk menjadi pemegang ABTC tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Imigresen, (Penggai 17) dan sebarang undang-undang bertulis lain atau kewajipan lain yang dipunyai oleh

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Brunei di bawah sebarang Perjanjian APEC yang berkaitan dan permohonan itu hendaklah dibuat dalam borang yang dibenarkan oleh Pengawal.

Pengeluaran ABTC.

5. Setelah suatu permohonan dibuat di bawah dan tertakluk kepada peraturan 4, Pengawal boleh atas budi bicaranya meluluskan permohonan tersebut dan mengeluarkan ABTC kepada pemohon.

Kesahan.

6. Jika suatu permohonan untuk mendapatkan ABTC dibuat di bawah peraturan 4 telah diluluskan oleh Pengawal, ABTC yang dikeluarkan itu adalah sah untuk digunakan oleh orang yang dinamakan sebagai pemegangnya bagi tempoh selama 3 tahun mulai dari tarikh ia dikeluarkan dan boleh diperbaharui tertakluk kepada pembayaran bayaran yang dinyatakan dalam Jadual.

Bayaran.

7. Bayaran yang kena dibayar berkaitan dengan ABTC yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(peraturan-peraturan 6 dan 7)

BAYARAN

Pengeluaran kad baru	\$100.00
Pembaharuan	\$50.00

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 14 haribulan Julai, 2003.

**PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA DATO LAILA UTAMA
HAJI AWANG ISA BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG IBRAHIM
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.**